

Anggota kabinet tidak terkecualli

10
19 MAJ 1993

KUALA LUMPUR 9 Mac — Anggota-anggota kabinet termasuk Perdana Menteri tidak pernah terkecualli daripada hukuman sekiranya mereka didapati bersalah, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat petang ini.

Katanya, sejarah telah membuktikan bahawa telah ada menteri kabinet yang dihukum oleh mahkamah kerana didapati bersalah.

"Apabila kita mahu menghadkan imuniti raja-raja ada suara yang mengatakan bahawa setelah raja tidak kebal, yang kebal sekarang ialah pemimpin-pemimpin kerajaan."

"Saya ingin tegaskan bahawa ini tidak benar...kami di sini semuanya tertakluk kepada undang-undang dan jika ada yang didapati bersalah mereka akan didakwa di mahkamah," katanya ketika berucap mengu- lung perbahasan Rancangan Undang-Undang (Pindaan) Perlembagaan Persekutuan 1993 di Dewan Rakyat petang ini.

Sebenarnya, kata Perdana Menteri, yang sentiasa merasa kebal ialah parti pembangkang ter- utamanya DAP.

Katanya, DAP merasa

kebal kerana mereka mendapat sokongan war- tawan-wartawan asing yang sentiasa mahu me- mihak kepada mereka.

Mereka, menurut Dr. Mahathir akan mendapat sokongan kuat daripada wartawan luar yang begi- tu berminat untuk mem- burukkan negara ini ke- rana wartawan ini sedar bahawa Malaysia tidak pernah tunduk kepada kuasa Barat.

Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang yang kelih- atan marah dengan dak- waan Perdana Menteri itu bangun lalu berkata: "Ini semua sangkaan jahat...sebagai Perdana Menteri mestilah menja- ga apa yang dikatakan di Dewan yang mulia ini."

Dr. Mahathir sambil tersenyum berkata, ahli dari Tanjung sering mem- buat ucapan yang berco- rak perkauman kerana dia suka melihat keadaan tegang antara kaum.

"Dia berani buat begitu kerana dia sedar bahwa walaupun perbuatannya itu boleh dikenakan tin- dakan di bawah Akta Ke- selamatan Dalam Negeri (ISA) tetapi kerajaan ti- dak akan berbuat demiki- an," kata Perdana Ment- eri.

Belum sempat Dr. Ma- hathir meneruskan ucap- anyanya, Kit Siang sekali



lagi bangun dan menegaskan; "Apakah ini bermak- na Perdana Menteri takut kepada saya?"

Dr. Mahathir selamba menjawab, dia (Kit Siang) anggap dia besar tetapi sebenarnya dia sebesar ini sahaja (dengan me- nunjukkan tanda kecil).

Kerajaan menurut Per- dana Menteri ingin mem- beri gambaran kepada du- nia luar bahawa negara ini aman kerana hanya dengan cara itu sahajalah ia akan menarik keyakinan para pelabur.

Malangnya, kata beli- au, DAP tidak mahu me- mikul tanggungjawab ini sebaliknya mereka senga- ja membangkitkan perka- ra-perkara yang membo- lehkan kerajaan me- ngambil tindakan un- dang-undang ke atas me- reka supaya dengan cara

itu mereka boleh membu- at tuduhan kerajaan ti- dak demokratik.

"Bila orang dah tidak ada kerja baru dia (DAP) boleh pancing sokongan tapi bila orang semua ada kerja dia pula tidak ada modal untuk pancing (undi)," ujar Dr. Maha- thir.

Kit Siang sekali lagi bangun dan meminta ja- minan daripada Perdana Menteri apakah kerajaan sedia memberi kebebasan dan mengembalikan hak asasi kemanusiaan.

Kata Dr. Mahathir, hak asasi sememangnya telah sedia wujud di bawah pimpinan kerajaan Baris- an Nasional.

"Kerana ada hak asa- silah maka wakil Tanjung kini bebas berca- kap...kalau di Bosnia dah lama kena sembe- lih...ethnic cleansing...sudahlah kalau dah bersalah tu mengaku sa- jalah.

"Tengok wakil dari Jelutong...dia sentiasa ta- kut kepada bossnya...tapi saya beri jaminanlah ke- pada wakil Jelutong, ka- lau boss dia ambil tindak- an padanya saya sebagai Menteri Dalam Negeri akan memberi perlin- dungan kepadanya...." kata Dr. Mahathir diikuti de- ngan gelak ketawa dari seluruh ahli Dewan.